

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PANDUAN PELAKSAAN PENTAKSIRAN AKHIR
SECARA DALAM TALIAN

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Panduan ini bertujuan menambahbaik panduan yang sedia ada iaitu:
- i. Garis Panduan Pelaksanaan Peperiksaan Akhir Semester II Sesi 2019/2020, dan
 - ii. Garis Panduan Tatacara dan Peruntukan Masa untuk Pentaksiran dalam Talian.
- 1.2 Proses pengajaran, pembelajaran dan penilaian di UTHM akan mengambil kira surat pekeliling, surat arahan dan garis panduan seperti berikut:
- i. Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif bertarikh 12 Oktober 2020, Cadangan Penyelarasan PdP Fizikal Sem. 1 Sesi 2020/2021.
 - ii. UTHM *Distance Learning Assessments Guideline 2020*.
- 1.3 Justeru, panduan ini disediakan bagi menjelaskan kepada semua staf akademik UTHM berkenaan amalan terbaik pelaksanaan pentaksiran akhir secara dalam talian.

2. PRINSIP UTAMA

- 2.1 Kaedah pelaksanaan pentaksiran akhir yang digunapakai perlu mengukur pencapaian pelajar berdasarkan hasil pembelajaran kursus dan program (CLO dan PLO) yang ditetapkan.
- 2.2 Kualiti pentaksiran akhir perlu mencakupi aspek kesahan (*validity*), kebolehpercayaan (*reliability*) dan adil (*fairness*) dalam pelaksanaannya.
- 2.3 Kaedah pelaksanaan pentaksiran akhir perlu merujuk kepada dokumen penjaminan kualiti MS ISO 9001:2015;
- i. RPP 12 - Prosedur Penyediaan Kertas Soalan Ujian Dan Peperiksaan Akhir, dan
 - ii. RPP 14 – Prosedur Perkhidmatan Peperiksaan Akhir
- 2.4 Pentaksiran akhir secara dalam talian PERLU menggunakan platform AUTHOR yang telah disediakan oleh UTHM.

3. KAEDAH PELAKSANAAN PENTAKSIRAN AKHIR

3.1. Pentaksiran akhir boleh terdiri daripada beberapa jenis iaitu;

3.1.1. Peperiksaan akhir secara dalam talian

Terdapat **DUA (2)** kaedah pelaksanaan peperiksaan akhir secara dalam talian:

i. Peperiksaan Akhir Dalam Talian Secara Segerak (*Synchronous*)

Peperiksaan Akhir Dalam Talian Secara Segerak merujuk kepada kaedah peperiksaan yang dilaksanakan **secara bersemuka dalam talian di mana-mana lokasi pada masa nyata (*real time*)**. Peperiksaan akhir perlu dijalankan secara serentak bagi semua pelajar mengikut tempoh peperiksaan akhir kursus tersebut.

ii. Peperiksaan Akhir Dalam Talian Secara Tidak Segerak (*Asynchronous*)

Peperiksaan Akhir Dalam Talian Secara Tidak Segerak merujuk kepada kaedah peperiksaan yang dilaksanakan secara tidak bersemuka di mana-mana lokasi dan pada bila-bila masa dalam tempoh yang ditetapkan pada hari yang sama.

Pelajar diberikan fleksibiliti untuk mula menjawab peperiksaan akhir mengikut kesesuaian masa, dan perlu menyelesaikannya dalam tempoh yang ditetapkan. Kaedah ini sesuai digunakan bagi pelajar yang berada di zon masa yang berbeza dari zon masa Malaysia.

Contoh: Tempoh peperiksaan kursus A adalah selama 3 jam.

Pelajar 1 mula menjawab pada jam 9.00 pagi dan perlu menyelesaikan peperiksaannya pada jam 12.00 tengahari.

Pelajar 2 mula menjawab pada jam 2 petang dan perlu menyelesaikan peperiksaannya pada jam 5 petang.

3.1.2. Peperiksaan akhir bawa pulang

Peperiksaan akhir bawa pulang adalah bersifat tidak segerak yang dilaksanakan tanpa pengawasan dengan tempoh peperiksaan tidak melebihi 24 jam.

3.1.3. Pentaksiran alternatif

Pentaksiran alternatif meliputi projek akhir, portfolio atau pelbagai bentuk tugas lain yang dilaksanakan sepanjang tempoh minggu peperiksaan.

3.2. Peperiksaan akhir secara dalam talian (segerak dan tidak segerak) dan peperiksaan akhir bawa pulang boleh dilaksanakan secara buka buku (*open book*) atau tutup buku (*close book*). Bagi peperiksaan secara buka buku, pelajar boleh merujuk kepada mana-mana sumber rujukan seperti nota, buku, internet dan lain-lain sumber yang berkaitan.

- 3.3. Peperiksaan akhir secara dalam talian (segerak dan tidak segerak) dan peperiksaan akhir bawa pulang talian perlu dilaksanakan mengikut takwim peperiksaan akhir Universiti. Pelaksanaannya adalah tertakluk kepada tatacara dan prosedur yang dikeluarkan oleh Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dan Pejabat Pengurusan Akademik (PPA).
- 3.4. PPS dan PPA berperanan menyelaras dan menguruskan tatacara dan prosedur perkhidmatan peperiksaan akhir secara dalam talian berdasarkan RPP-14.
- 3.5. PPS dan PPA perlu menyediakan **Borang Kehadiran Menduduki Peperiksaan Akhir** dan **Borang Deklarasi** untuk diisi oleh pelajar yang memperaku bahawa jawapan yang dikemukakan adalah hasil kerja sendiri dan bukannya hasil plagiat daripada rakan atau sumber lain.

4. BENTUK SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR

- 4.1. Bentuk soalan peperiksaan akhir adalah seperti:
 - i. Soalan-soalan berbentuk objektif, betul-salah, isi tempat kosong dan subjektif.
 - ii. Soalan-soalan berbentuk senario, kajian kes, kajian aplikasi dan lain-lain.
- 4.2. Staf akademik perlu mempertimbangkan perkara-perkara berikut bagi mengelakkan penipuan semasa peperiksaan akhir;
 - i. Menyediakan soalan-soalan yang bersifat Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (*Higher Order Thinking Skills*, HOTS) seperti senario kes, kajian kes, kajian aplikasi dan lain-lain yang difikirkan sesuai.
 - ii. Menyediakan set soalan yang berbeza melalui susunan soalan secara rawak, atau penggunaan data yang berbeza.
 - iii. Penggunaan perisian Turnitin oleh staf akademik adalah digalakkan terutamanya bagi soalan berbentuk subjektif untuk mengurangkan aktiviti plagiat. Bagaimanapun setiap staf akademik perlu menyatakan peratusan indeks kesamaan (*similarity index*) yang dibenarkan kepada pelajar.

5. PERUNTUKAN MARKAH PENTAKSIRAN AKHIR

- 5.1. Berdasarkan *Advisory Note No 1/2020* Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 MQA;
 - i. Pengubahsuaian dan perubahan terhadap pembelajaran dan penilaian pelajar (samaada yang melibatkan penggantian atau tidak diganti) yang memenuhi sekurang-kurangnya 70% hingga 80% keperluan SLT boleh dipertimbangkan oleh PPT sebagai telah memenuhi keperluan kredit, mencapai gred pencapaian pelajar dan hasil pembelajaran minimum yang telah ditetapkan bergantung kepada kesesuaian bidang.

- ii. Pada prinsipnya PPT boleh mempertimbangkan perkara ini sekiranya komponen sumatif dalam penilaian berterusan (a) merangkumi sekurang-kurangnya 70% daripada keseluruhan penilaian pelajar DAN (b) telah memenuhi hasil pembelajaran yang ditetapkan. Kursus-kursus yang tidak memenuhi peratusan di atas boleh digabungkan dengan kaedah-kaedah penilaian lain bagi mencukupkan peratusan tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini juga tertakluk kepada kesesuaian bidang pengajian dan pertimbangan badan-badan profesional yang berkaitan.

5.2. Program akademik perlu memastikan bahawa setiap kursus perlu melengkapkan keseluruhan SLT yang ditetapkan dalam silibus kursus. Namun, kelonggaran boleh diberi sekiranya kursus telah menyempurnakan **sekurang-kurangnya 70% hingga 80% daripada kandungan SLT kursus** seperti di Perkara 5.1(i).

5.3. Program perlu membuat pentaksiran akhir bagi kandungan kursus yang telah disampaikan di Perkara 5.2.

5.4. Markah penuh pentaksiran akhir perlu mengikut penetapan pentaksiran yang dinyatakan dalam silibus kursus dan normalisasi markah tidak dibenarkan.

6. PENETAPAN TEMPOH MASA PEPERIKSAAN AKHIR

- 6.1. PPS dan PPA bertanggungjawab menyediakan Jadual Peperiksaan dan Jadual Pengawasan bagi kursus yang menjalankan peperiksaan akhir.
- 6.2. Secara umumnya, tempoh peperiksaan akhir bergantung kepada kredit kursus yang menjalankan peperiksaan akhir iaitu seperti berikut;
- 2 kredit = 2 jam, atau
 - 3 kredit = 2½ jam sehingga 3 jam
- 6.3. Pengawas Peperiksaan juga perlu memperuntukkan masa yang sesuai bagi pelajar memuat turun kertas soalan peperiksaan, mengimbas dan memuat naik kertas jawapan pelajar. Pengawas Peperiksaan bertanggungjawab untuk memantau proses pengumpulan kertas jawapan peperiksaan selepas tamat tempoh peperiksaan.
- 6.4. Perlu diingatkan bahawa tidak semua pelajar mahir dengan kaedah pentaksiran secara dalam talian. Pengawas Peperiksaan perlu menerangkan tatacara pelaksanaan peperiksaan dalam talian sebelum peperiksaan bermula.
- 6.5. **Jadual 1** menunjukkan amalan baik yang boleh digunakan sebagai panduan untuk menetapkan tempoh menjawab soalan keseluruhan kertas peperiksaan.

Jadual 1 Cadangan masa bagi penilaian dan pentaksiran

Kaedah Pentaksiran	Masa Pentaksiran
Peperiksaan Akhir Dalam Talian	<ul style="list-style-type: none"> • 1 hingga 5 minit bagi 1 soalan objektif (bergantung kepada jenis soalan). • 2 hingga 4 minit bagi 1 soalan subjektif pendek. • 15 hingga 50 minit bagi 1 soalan subjektif berbentuk esei (bergantung kepada jenis soalan).
Peperiksaan Akhir Bawa Pulang	<ul style="list-style-type: none"> • Sehingga 24 jam.
Projek akhir, portfolio, dan pelbagai bentuk tugasan	<ul style="list-style-type: none"> • 1 muka surat = 200 hingga 250 patah perkataan = 1 jam. • Analisa Graf/ Rajah / Data diperuntukkan selama 15 hingga 25 minit.

7. KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN PENILAIAN

- 7.1. Semua soalan peperiksaan akhir yang disediakan perlu melalui proses semakan dan kesahan bagi menjamin kualiti dan kebolehpercayaan, selaras dengan Prosedur RPP-12 Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir.
- 7.2. Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti perlu memastikan soalan yang disediakan mematuhi kepada penjajaran konstruktif, diuji pada aras taksonomi yang bersesuaian dan mampu untuk mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan bagi kursus tersebut, sesuai dengan kaedah pentaksiran akhir yang dicadangkan.
- 7.3. Semua dokumen dan proses berkaitan peperiksaan akhir perlu diklasifikasikan sebagai **SULIT**. PPS dan PPA perlu menentukan kaedah pengurusan peperiksaan akhir secara dalam talian yang sesuai bagi menjamin tahap kerahsiaan kertas soalan peperiksaan akhir.
- 7.4. Semua proses perlu direkodkan dan disimpan dengan rapi bagi tujuan audit dalaman dan luaran.

DISEDIAKAN OLEH

Pusat Pembangunan dan Latihan
 Akademik (CAD) Universiti Tun Hussein
 Onn Malaysia

18 November 2020